

Artikel Penyelidikan

Menelusuri sejarah penubuhan Persatuan Silat Cekak Malaysia (PSSCM).

Alif Aiman Rosli¹, Ammar Azizan², Kamarul Azwan Azman^{3*} dan Jafalizan Md Jali⁴

¹ Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; 2021889116@student.uitm.edu.my

² Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor, 2021627958@student.uitm.edu.my

³ Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; kamarul8145@uitm.edu.my

⁴ Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; jafalizan@uitm.edu.my;  0009-0009-7236-9863

* Correspondence: kamarul8145@uitm.edu.my; +60103581964

Abstrak: Silat cekak merupakan salah satu seni silat asli yang telah lama wujud di Tanah Melayu. Dari konteks sejarah, silat cekak ini berasal dari Negeri Kedah dan wariskan kepada beberapa generasi. Prinsip asas seni silat cekak membentuk setiap ahli yang tidak mendurhakai guru, ibu bapa dan menghina silat asli Melayu. Setelah sekian lama, Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia ditubuhkan untuk menyebarkan lagi ilmu seni silat cekak keserata Malaysia. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji sejarah dan perkembangan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM). Kajian ini juga menemui yang seorang tokoh bernama Datuk Haji Maideen bin Kadir Shah yang merupakan Guru Utama Ketiga dan Presiden PSSCM. Melalui segala intipati temubual ini dapat dijadikan rujukan dalam mengkaji tentang seni bela diri silat di Malaysia.

Kata Kunci: Silat cekak, Ustaz Hanafi, PSSCM

DOI: 10.5281/zenodo.10910228



Copyright: © 2024 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Seni silat atau juga dikenali sebagai pencak silat adalah salah satu seni bela tradisional yang berasal daripada Asia Tenggara. Seni bela diri silat ini diamalkan secara meluas oleh segenap bangsa di nusantara seperti di negara Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura, selatan Thailand dan selatan Filipina. Ada yang menggangarkan bahawa seni silat ini telah berusia ratusan tahun dan diturunkan atau diwariskan dari setiap generasi ke generasi yang seterusnya. Ini juga merujuk kepada pengamal-pengamal seni mempertahankan diri ini dari Indonesia dan diperkenal luas ke Malaysia, Brunei, Filipina dan Thailand. Mereka yang belajar ilmu silat akan digelar sebagai pesilat. Menurut Sheikh Shamsuddin (2005), beliau mentafsirkan silat sebagai seni pertempuran berlawan dan pertahanan yang dipercayai berasal dari tamadun Melayu kuno dan juga dari Indonesia. Namun sehingga kini tidak ada sesiapa yang dapat menetapkan dari mana asal sebenar seni silat ini.

Silat kini telah berkembang menjadi sebahagian dari seni budaya dan tradisi sosial dan memerlukan keharmonian di antara fizikal dan rohani yang baik. Selain itu, sejarah seni persilatan juga menunjukkan penggunaan senjata yang sering digunakan oleh pesilat seperti keris, badik, kerambit, parang, pedang, lading, tumbuk lada, tekpi, tongkat, tembong dan sundang. Bagi ahli silat yang tidak menggunakan senjata, mereka akan bertempur dengan tangan kosong. Pada umumnya, ahli silat yang mengajar dan mengamalkan seni silat dengan senjata dan tangan kosong adalah amat sedikit. Segala seni ini perlulah untuk dipelihara bagi memastikan seni silat ini tidak di campur aduk dengan seni bela diri lain. Oleh itu, wujudnya satu badan persatuan bukan kerajaan (NGO) yang menjaga dan memelihara seni silat di Malaysia yang dikenali sebagai Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA).

Di Malaysia kini, terdapat sejumlah 446 jenis silat yang telah dicatatkan berdaftar dibawah organisasi ini. PESAKA ini dinaungi oleh empat badan pendiri utama yang salah satunya merupakan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) yang mengamalkan silat cekak yang mempunyai sejarah yang sangat panjang sejak dari abad ke-18 lagi. Justeru kajian ini akan mengkaji tentang asal usul silat cekak dan sejarah perkembangan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia bersama dengan Datuk Haji Maideen bin Kadir Shah, Guru Utama dan Presiden PSSCM mengenai sejarah silat cekak ini dan bagaimana persatuan memelihara dan mengembangkan seni silat cekak ini.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Ilmu seni bela diri silat kini kian dilupakan oleh generasi kini disebabkan seni bela diri kurang diminati oleh sebahagian besar masyarakat. Laporan BH Online 9 Mei 2016 menyatakan terdapat banyak persepsi terhadap seni silat di Malaysia. Antara persepsi tersebut ialah silat ini hanya dipelajari untuk dijadikan sebagai persembahan tontonan dalam majlis. Silat juga sering dikaitkan dengan amalan khurafat seperti penyediaan pengeras pulut kuning dan mandi minyak oleh sebahagian penggiat seni silat Melayu, adalah antara sebahagian perbuatan khurafat yang menyebabkan seni silat kini semakin dijauhi. Sebaliknya silat cekak dibina dengan asas berlandaskan agama Islam. Tidak ramai yang mengetahui hal dan sejarah asal silat cekak ini. Ekoran itu, terdapat juga pelbagai seni silat di Malaysia membuatkan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia kurang dikenali dalam kalangan Malaysia walaupun Datuk Haji Maideen Bin Kadir Shah sudah menjadi Guru Utama dan Presiden PSSCM yang ketiga. Walaupun persatuan ini mempunyai pelbagai di pelbagai negeri, persatuan ini kurang dikenali oleh rakyat tempatan.

Oleh itu, tujuan kajian kami adalah untuk mengetahui dengan lebih Datuk Haji Maideen Bin Kadir Shah yang sekarang merupakan Guru Utama silat cekak Malaysia. Kajian ini juga dilakukan untuk mengetahui sejarah awal persatuan ini dari Datuk Haji Maideen sendiri dan corak seni silat cekak.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengkaji latar belakang Datuk Haji Maideen Bin Kadir Shah.
- ii. Untuk mengenal pasti sejarah dan perkembangan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia.
- iii. Mendokumentasikan sejarah dan bentuk seni bela diri silat cekak.

4. PERSOALAN KAJIAN

Dalam menjalankan penyelidikan ini, persoalan kajian merupakan aspek yang penting dalam memastikan hala tuju kajian ini tidak tersasar. Oleh itu pengkaji telah mewujudkan 3 persoalan kajian iaitu:

- i. Apakah pengalaman Datuk Haji Maideen dalam dunia persilatan?
- ii. Apakah sejarah dan perkembangan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia?
- iii. Apakah sejarah dan bentuk seni silat cekak?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN.

Kajian ini adalah penting bagi memastikan sejarah mengenai Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia tidak dapat didokumentasikan agar sejarah lisan daripada Datuk Haji Maideen bin Kadir Shah, Guru Utama dan Presiden Persatuan yang ketiga ini dapat dipelihara. Sekiranya persatuan ini mempunyai masalah seperti dibubarkan atau tiada penerus yang layak untuk menjadi menjadi Guru Utama, kajian ini dapat menjadi bukti kewujudan sejarah dan seni silat cekak ini agar tidak hilang ditelan arus pemodenan. Kajian ini juga mampu untuk mengurangkan persepsi sempit orang ramai mengenai seni silat di Malaysia. Tidak hanya sekadar faktor pemeliharaan, kajian ini juga dapat menyebarkan maklumat mengenai silat cekak kepada masyarakat. Hasil daripada kajian ini juga dapat menjadi rujukan dan pada masa yang sama membuka ruang kepada pengkaji di masa hadapan yang menjalankan kajian mengenai silat cekak di Malaysia ini.

6. TINJAUAN LITERATUR

Kajian ini mendapati bahawa informasi mengenai adalah sangat Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia ini adalah kurang dan terhad. Hasil tinjauan di Google menunjukkan maklumat mengenai Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia hanya terdapat dalam laman web rasmi mereka sahaja. Carian Di Google Scholar juga menunjukkan bahawa tiada kajian ilmiah mengenai seni silat cekak dan sejarah asal penubuhan persatuan ini. Hal ini menjadikan rujukan mengenai silat cekak dan persatuan ini hanya terhad terdapat di dalam laman sesawang rasmi Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia. Hal ini membuktikan persatuan ini kurang mendapat perhatian pengkaji walaupun mempunyai nama yang besar.

6.1 *Datuk Haji Maideen Bin Kadir Shah*

YM Datuk Haji Maideen Bin Kadir Shah dilahirkan di Sungai Besi, Kuala Lumpur pada hari Khamis, 18 Julai 1957, bersamaan 20 Zulhijjah 1378H. Bapanya bernama Kadir Shah bin Syed Maidin, dan ibunya bernama Julaiha Binti Mohd Ibrahim. Beliau adalah anak keenam daripada sembilan orang adik beradik dan berkahwin dengan Datin Hajah Roznida Binti Ali Omar pada Ahad, September 1984. Beliau sangat meminati silat sejak kecil. Ketika berusia 13 tahun, dia menghabiskan dua tahun mempelajari Silat Gayong Malaysia di Sekolah Menengah Lelaki Ampang. Kemudian, beliau belajar silat cekak Malaysia dengan Almarhum Ustaz Haji Hanafi bin Haji Ahmad sendiri di rumah Haji Hanafi sendiri pada tahun 1974, semasa berusia 17 tahun di Jalan Haji Sirat, Kampung Baru, Kuala Lumpur, Malaysia. Hal ini menjadikan beliau salah seorang anak murid awal kepada Almarhum Ustaz Haji Hanafi yang merupakan Guru Utama dan Presiden Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia yang pertama. Setelah 35 tahun berkecimpung dalam alam persilatan dan berlatih dengan dua Guru Utama Silat Cekak persatuan terdahulu, beliau telah diserahkan jawatan Guru Utama dari YM Tuan Haji Ishak bin Itam pada 3 Jun 2009 bersamaan 9 Jamadilakhir 1430. (Laman Sesawang Rasmi PSSCM)

6.2 Sejarah Silat Cekak

Sejarah yang catatkan menunjukkan bahawa Kedah adalah tempat asal Silat Cekak. Kewujudannya di negeri tersebut diketahui bermula apabila seorang panglima kanan yang dikenali sebagai Panglima Ismail mengamalkan ilmu persilatan ini bagi mempertahankan kedaulatan negeri tersebut dari pencerobohan musuh-musuh asing (Ahmad, 1958). Melalui kajian komprehensif oleh Janudin & Yusoff (2019;2020), panglima kanan tersebut dikenali sebagai 'Dato' Seri Paduka Raja Laksamana Wan Ismail bin Wan Muhammad Longyang berkhidmat di bawah pemerintahan lima orang Sultan Kedah Sepanjang abad ke 18. Panglima-panglima kanan kerajaan Kedah menggunakan seni silat cekak ini semasa pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah (1804–1845) untuk menghadapi pencerobohan dari luar. Panglima Ismail, seorang panglima penting dalam kerajaan Kedah, telah berjaya mengalahkan seorang panglima Batak bernama Tuah dan kemudian memberikan ilmu silat ini kepada Panglima Tok Rashid. Selain itu, Yahya Said, yang berasal dari Taiping, Batu Kurau, telah dilantik sebagai "pemegang amanah" Silat Cekak ini oleh Panglima Tok Rashid. Selepas itu, Yahya Said, yang pada masa itu berumur dua puluh tahun, menerima wasiat daripada Panglima Tok Rashid. Silat ini telah terpendam selama 40 tahun sehinggalah Y.M. Ustaz Haji Hanafi bin Haji Ahmad yang berasal dari Kedah, telah bertemu dengan Yahya Said dan mewarisi ilmu silat cekak ini dari beliau.

6.3 Penubuhan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM)

Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia didaftarkan dan diasaskan oleh YM Al-Marhum Ustaz Hanafi bin Haji Ahmad Pada tahun 1975. Pada tahun yang sama, Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia membuat logo baru, yang juga ditubuhkan oleh YM. Al-Marhum Ustaz Haji Hanafi bin Haji Ahmad, yang merupakan Guru Utama dan Presiden PSSCM. Setelah memimpin PSSCM selama 21 tahun dan menyebarkan silat ini ke seluruh negara, beliau meninggal dunia pada 13 Ogos, 1986. Pada 21 September 1986, Haji Ishak bin Itam menjadi Guru Utama dan Presiden PSSCM. Pada 13 Oktober 1986, dia majlis pengijazahan penuntut baru di Universiti Pertanian Malaysia. YM Haji Ishak Itam terus mengetuai PSSCM sehingga Y.Bhg Haji Hanafi mengambil alih pucuk pimpinan Silat Cekak. Pada 3 Jun 2009, Datuk Haji Maideen Bin Kadir Shah, dan pada 23 Jun 2009, secara beradad. (Laman Sesawang Rasmi PSSCM)

7. METODOLOGI

Projek Penyelidikan Sejarah Lisan adalah satu penyelidikan yang melibatkan proses mengumpul, mendokumentasi dan memelihara pengetahuan lisan yang telah dikumpul sebagai satu bahan bersejarah. Hal ini bertujuan bagi merekodkan sesebuah cerita, teknik atau pengalaman individu yang terlibat secara langsung dalam peristiwa-peristiwa bersejarah agaknya hal ini tidak hilang ditelan zaman dan pada masa yang sama boleh menjadi rujukan kepada generasi yang akan datang. Dalam projek ini, penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif untuk memperoleh maklumat dan pemahaman yang mendalam tentang pengalaman dan sumbangan tokoh dalam seni silat cekak di tanah air. Penyelidik akan menemubual individu yang memiliki pengalaman yang luas dan sumbangan dalam alam persilatan. Temubual ini dilakukan secara peribadi dan direkodkan dalam bentuk audio dan video.

Responden yang di pilih adalah berdasarkan penyelidikan yang dijalankan mengenai persatuan ini. Kami mencari dan menyelidik tokoh-tokoh yang sesuai serta boleh ditemubual bagi mendapatkan informasi mengenai sejarah dan perkembangan Persatuan Silat Cekak Malaysia. Respondan kami merupakan Datuk Haji Maideen Bin Kadir Shah yang merupakan Guru Utama dan Presiden PSSCM yang ketiga dan merupakan salah seorang individu yang sudah lama berada dalam persatuan ini. Beliau

merupakan seorang yang rapat dengan dua Guru Utama dan Presiden PSSCM yang terdahulu. Hal ini menjadikan beliau seseorang yang banyak mendapat informasi dan pengetahuan yang tidak diberi pendedahan terbuka kepada ahli silat cekak yang lain mahupun orang awam. Hal ini membolehkan pengetahuan dan pengalaman individu yang telah dilalui menjadi sumber sejarah yang berharga. Ia memberikan perspektif yang unik dan mendalam mengenai peristiwa-peristiwa sejarah dari sudut pandangan individu yang terlibat secara langsung. Kesaksian lisan ini juga membantu melengkapi dan meluruskan maklumat sejarah yang terdapat dalam sumber-sumber bertulis.

8. HASIL KAJIAN

Dalam kajian, kami telah menyelidik mengenai sejarah dan perkembangan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM), iaitu:

- √ pengalaman Datuk Haji Maideen dalam dunia persilatan
- √ sejarah dan bentuk seni silat cekak
- √ sejarah dan perkembangan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia

Hasil temubual bersama Datuk Haji Maideen, beliau menceritakan bahawa sejarah silat cekak ini telah wujud sejak abad ke-18 lagi. Seni Silat ini berasal daripada Kesultanan Melayu Kedah dahulu oleh Panglima Ismail. Namun, beliau menegaskan bahawa ini merupakan kajian yang dilakukan oleh persatuan dalam menjejaki asal usul silat cekak ini. Panglima Ismail dianugerahkan sebagai pemegang amanah silat cekak yang pertama. Hal ini kerana beliau sahaja individu yang sah dalam mengamal dan menyampaikan silat cekak yang berasal dari zaman Kesultanan Kedah. Silat ini telah disampaikan kepada beberapa generasi dan diamanahkan kepada generasi seterusnya. Silat ini pernah tersimpan selama 40 tahun bersama dengan Yahya Said yang merupakan pemegang amanah silat cekak sehinggalah Ustaz Hanafi bin Haji Ishak menerima amanah tersebut.

Menurut Datuk Haji Maideen lagi, apabila Ustaz Hanafi mendapat amanah seni silat cekak ini, beliau ingin mengembangkan lagi seni silat ini kepada semua orang dan beliau mengadakan kelas di Negeri Kedah dan berpindah ke Kuala Lumpur yang membawa kepada penubuhan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia pada 1971. Pelbagai cabaran yang diharungi oleh persatuan ini sehingga persatuan ini mempunyai cawangan di seluruh semenanjung. Persatuan ini adalah untuk menyebarkan nilai-nilai yang baik kepada semua orang. Persatuan ini mengajarkan prinsip dan ikrar yang membentuk satu akhlak dari ganas kepada baik.

Encik Safaran juga menyatakan, silat cekak ini mementingkan pertahanan dan hanya menyerang apabila mendapat serangan kedua. Datuk Haji Maideen mengatakan bahawa kerana silat ini mendidik orang untuk menjadi baik dan kembali ke sifat orang Melayu yang tidak suka bergaduh dan tidak kurang ajar. Nilai-nilai yang baik ini yang ingin disebar kepada masyarakat Melayu sejak oleh Almarhum Ustaz Hanafi Bin Haji Ishak kepada orang ramai sehingga beliau menubuhkan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia demi melihat bangsa beliau menjadi bangsa yang baik dan berani.

9. KESIMPULAN

Dengan wujudnya penyelidikan ini, dapat memberikan maklumat dan pencerahan kepada masyarakat mengenai Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia yang mengamalkan salah satu seni silat asli Melayu yang terdapat di Malaysia. Persatuan ini merupakan satu organisasi yang memelihara seni silat ini dan dengan adanya kajian ini dapat membantu usaha dalam pemeliharaan seni silat ini. Kajian ini juga

boleh memberikan informasi dan rujukan kepada pengkaji yang lain mengenai PSSCM sekiranya terdapat pengkaji di masa akan datang yang ingin sama ada mengkaji tentang Silat Cekak ataupun mengkaji satu bidang yang sama berkaitan tentang silat.

Penghargaan: Setinggi-tinggi penghargaan yang tidak terhingga dirakamkan kepada tokoh-tokoh yang sudi untuk membantu kami dalam menjalankan kajian ini, tanpa hasil kerjasama Datuk Haji Maideen Bin Kadir Shah dan Encik Safaran bin Haji Ahmad, penyelidikan kami ini tidak akan dapat berjalan dengan lancar dan sempurna. Sekalung penghargaan juga kepada Encik Jafalizan Md Jali, yang merupakan seorang pensyarah yang telah banyak membantu dan memberikan perhatian dan tunjuk ajar sepanjang kami menjalankan penyelidikan ini bagi memastikan kajian kami ini menjadi satu kajian yang ilmiah dan berkualiti. Kami sangat menghargai jasa beliau kerana memberi bimbingan bagi menyiapkan transkrip ini.

RUJUKAN

Abd Rahman Ismail. (2009). *Seni silat Melayu: sejarah perkembangan dan budaya* (Cetakan Kedua). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohad, A. H., & Mokhtar, R. a. M. (2017). Agama dan budaya berpisah tiada: tinjauan terhadap masyarakat Murut Tahol di Sabah. *International Journal of the Malay World and Civilization*, 5(2), 3–12. <http://journalarticle.ukm.my/12437/>

Laman sesawang rasmi Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM). <https://www.silatcekak.org.my/>

Muhammad Hasnimizan Ishak, & Muammar Ghaddafi Hanafiah. (2019). Seni Bela Diri Melayu dalam Silat Cekak Pusaka Hanafi (The Malay Martial Art in Silat Cekak Pusaka Hanafi). *Akademika*, 89(1), 69–79. <https://ejournals.ukm.my/akademika/article/download/31249/9257>

Sheikh Shamsuddin. (2005). The Malay art of self-defense: silat seni gayong / Sheikh Shamsuddin. <https://melayu.library.uitm.edu.my/372/>

Sommer, B. W., & Quinlan, M. K. (2002). *The Oral History Manual*. <https://ci.nii.ac.jp/ncid/BA91507111>

Yusop, S. H. (2016, May 8). Hapus persepsi buruk silat. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/05/151757/hapus-persepsi-buruk-sila>